

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN
AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 23)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menjalinkan hubungan mesra bersama kelab-kelab permotoran di dalam negara agar dapat memupuk minat belia terhadap sukan permotoran dan mendidik mereka agar lebih berdisiplin di jalanraya serta membendung peningkatan kadar kesalahan jalanraya.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukan pemotoran di Malaysia kini telah berkembang dengan pesat sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah industri pemotoran yang ulung di peringkat antarabangsa. Justeru, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memfokuskan kepada tiga (3) jenis sukan pemotoran yang utama iaitu Sukan Motor Kenderaan 4 roda, Sukan Motor Kenderaan 2 Roda dan Sukan Air Bermotor.

2. KBS telah merancang pelbagai program yang dinamik sepanjang tahun untuk mendekati belia yang bergiat aktif dalam kelab permotoran. Antara program tersebut adalah berbentuk:
 - a) **KURSUS**
 - Kursus Asas Go-Kart dan Mini Bike
 - Kursus Pemanduan Pacuan 4 Roda
 - Kursus Teknikal Sukan bermotor
 - Kursus Safety Driving
 - Kursus Safety Riding

SULIT

b) KEJOHANAN

- Kejohanan Formula KBS
- Kejohanan Formula Future Kebangsaan
- Sirkit Motorcross
- Sirkit Cup prix KBS
- Kejohanan KBS Drift Challenge
- Kejohanan KBS Drag Racing Championship

c) Klinik Pembangunan

- Klinik Mini Bike
- Siri Drift KBS
- Formula KBS Go-Kart dan Mini Bike
- Stunters

3. Program – program tersebut dilaksanakan di seluruh Malaysia di segenap lapisan masyarakat hingga ke peringkat akar umbi secara strategik dan kondusif. Secara tidak langsung ia turut bertindak sebagai satu bentuk promosi kepada sukan pemotoran Negara.
4. Bagi kelab-kelab pemotoran yang berdaftar, pihak KBS akan memberi bantuan bagi melaksanakan program termasuk bantuan kewangan apabila menerima permohonan dan keputusan bantuan adalah bergantung kepada kewangan semasa.
5. Manakala bagi kelab-kelab yang tidak berdaftar pihak KBS tidak meminggirkan bahkan Kementerian sentiasa bersedia membantu dari segi sokongan khidmat nasihat dan berkongsi kepakaran khususnya dalam bidang berkaitan pengurusan acara supaya

SULIT

golongan sasaran dapat didekati dan dibantu melalui program-program Kementerian.

6. Kementerian Pengangkutan pula, melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menubuhkan pasukan Skwad Muda 1JPJ (SM1JPJ) bagi memupuk minat belia terhadap sukan permotoran dan mendidik mereka agar lebih berdisiplin di jalanraya serta membendung peningkatan kadar kesalahan jalanraya .Program ini yang berasaskan *Community Based Programs* akan difokuskan kepada golongan belia untuk membantu JPJ dalam aktiviti advokasi keselamatan jalan raya atau mana-mana program yang melibatkan keselamatan jalan raya di peringkat nasional, negeri dan juga daerah di samping dapat membudayakan semangat keselamatan jalan raya di kalangan masyarakat.